

BAB 6

ANALISIS PEMBENTUKAN

POLA KATA NAMA *MUSHTAQ* BAHASA ARAB

6.0 PENDAHULUAN

Bab ini menganalisis pembentukan kata nama *mushtaq* yang mempunyai ciri-ciri makna dan fungsi kata kerja. Kata nama jenis ini mempunyai bentuk wazan yang berbeza dari segi morfologi dengan kata kerja . Namun ia merupakan subsistem dari sistem kata kerja dan sentiasa berdampingan dengan kata kerja. Kata nama dalam subsistem ini dikenali sebagai kata nama *mushtaqqāt* di kalangan sarjana morfologi Arab dan kata nama *al-āmil ‘amala al-fi‘li* di kalangan para sarjana sintaksis (Muhammad ‘Abdul Khālid ‘Udāimat 1962 : 247) .

Dalam bab ini pengkaji hanya menumpukan kajian terhadap tiga jenis kata nama *mushtaq* sahaja iaitu *maṣdar* (المَصْدَر) *ism fā‘il* (إِسْمُ الْفَاعِل) *ism maf‘ūl* (إِسْمُ الْمَفْعُول) , kerana ketiga-tiga subsistem ini mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan pembentukan kata kerja . Manakala kata nama *mushtaq* yang lain seperti kata *sighah al-mubālagah li ism fā‘il* (صِيَغَةُ الْمُبَالَغَةِ لِإِسْمٍ فَاعِلٍ), *sifat al-mushabbahah* (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ) dan *ism tafḍīl* (إِسْمُ التَّفْضِيل) disentuh secara sepantas lalu . Ini dapat dilihat dengan jelas dalam huraian berikut :

6.1 KATA NAMA *MASDAR*

Kata nama *maṣdar* merupakan kata nama yang menunjuk kepada makna peristiwa semata-mata (Khālid ‘Abdullah al-’Azhariy , t.t : 1 : 62) tanpa merujuk kepada makna zat , kala dan tempat . Kata nama *maṣdar* ini menurut para sarjana bahasa aliran *Kūfah* lebih bersifat derivatif iaitu diterbit daripada sumber kata kerja melalui proses pencantuman kata akar sesuatu kata kerja dengan pelbagai imbuhan . Manakala pakar-pakar bahasa dari aliran *Baṣrah* pula beranggapan bahawa kata nama *maṣdar* ini merupakan kata sumber atau kata asal bagi segala bentuk kata -kata terbitan lain (al-Ḥamalāwiy , 1995 : 89) .

Pembentukan kata nama *maṣdar* ini juga bersifat fleksi dan membentuk pola-polanya melalui kejadian perubahan fonem atau bunyi bahasa dalam kata akarnya . Pola-pola kata nama *masdar* agak banyak mengikut golongan kata kerja dan susunan konsonan dan vokalnya . Namun pada dasarnya , ia boleh dibahagikan kepada tiga golongan iaitu kata nama *masdar qiyāsiy* , kata nama *masdar samā‘iy* dan kata nama *masdar ḥinā‘iy* (buatan) (Khadījah al-Ḥadīhiy , 1965 : 207) .

Dalam kajian ini , pengkaji hanya akan memberi penekanan kepada kata nama *masdar qiyāsiy* dan kata nama *masdar samā‘iy* sahaja (Lihat jadual 3.30) kerana tiap-tiap keduanya mempunyai unsur makna dan fungsi yang didukung oleh kata kerja .

6.1.1 ANALISIS KATA NAMA *MASDAR QIYĀSIY*

Kata nama *masdar* yang berada dalam kategori ini kebanyakannya terdiri daripada kata nama *masdar thulāthiy mazīd* , kata nama *masdar rubā‘iy mujarrad* dan kata nama *masdar rubā‘iy mazīd* (Riḍā’uddin , 1982 : 2 :163). Pola ketiga-tiga golongan ini adalah tetap dan boleh dibentuk secara *qiyās* (al-Makūdiy , 1954 : 116 dan Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 136) seperti dalam huraian di bawah :

6.1.1.1 Analisis Kata nama *Masdar Thulāthiy Mazīd*

Kata nama *masdar thulāthiy mazīd* dibentuk daripada sumber kata kerja *thulāthiy mazīd* . Wazannya adalah tetap dan boleh dibentuk secara *qiyās* (‘Ibn ‘Aqīl , 1990 : 2 : 118). Antara wazan-wazan kata nama *masdar* jenis ini yang paling popular ialah : < if‘ālun > / تَفْعِيلٌ , < taf‘ilun / taf‘ilatun > , إِفْعَالٌ , < mufā‘alatun / fi‘ālun > / مُفَاعَلَةٌ , < ifti‘ālun > , إِفْتِعَالٌ , < infi‘ālun > , < tafā‘ulun > , تَفَعُّلٌ , < tafa‘ulun > , تَفَعُّلٌ , < istif‘ālun > (al-Ḥamalāwiy , 1995 : 92-95) .

Penerangan lanjut tentang bentuk-bentuk pola – pola berkenaan serta unsur - unsur perubahan fonem (bunyi) yang berlaku dalam pembentukan pola tersebut dapat dilihat dalam jadual yang dirumus mengikut urutan kod JK (Lihat jadual 3.35) dan kala seperti dibawah :

1) Analisis Pola *Masdari* WM 2 : افعال <*if'ālun*>

Jadual 6.1 : Analisis pola *masdar* dari wazan WM 2 : افعال <*if'ālun*>

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 1	إِكْرَامٌ	إِفْعَالٌ < <i>'if'ālun</i> >		<ul style="list-style-type: none"> Tiada perubahan berlaku
JK 2	إِيْخَادٌ		إِيْعَالٌ < <i>'i'ālun</i> >	<ul style="list-style-type: none"> Penukaran awalan huruf ‘illah’ kata akar kepada huruf <i>yā'</i>. Bentuk pola asalnya ialah إِأَخَادٌ
JK 3	إِرْدَادٌ	إِفْعَالٌ < <i>'if'ālun</i> >		<ul style="list-style-type: none"> Penyuraian huruf kedua dan akhir kata akar
JK 4	إِبْصَانٌ		إِيْعَالٌ < <i>'i'ālun</i> >	<ul style="list-style-type: none"> Penukaran awalan huruf ‘illah’ kata akar kepada huruf <i>yā'</i>. Bentuk pola asalnya ialah إِوْصَانٌ
JK 5	إِعَادَةٌ		إِفْعَلَةٌ / إِفَالَةٌ < <i>'ifālatun</i> >/ < <i>ifa'latun</i> >	<ul style="list-style-type: none"> Pengguguran huruf kedua kata akar atau alif imbuhan . Kemudian uruf <i>tā'</i> ditambah di akhiran sebagai gantian . Bentuk pola asalnya ialah إِعْوَادٌ
				<ul style="list-style-type: none"> Penukaran huruf ‘illah’ di akhir kata akar kepada

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 6	إِلْقَاءُ		إِفْعَاءُ <u>< 'if'ā'un ></u>	<i>hamzah</i> . Bemtuk pola asalnya ialah إِلْقَائِي
JK 7	إِفْوَاءُ		إِفْعَاءُ <u>< 'if'ā'un ></u>	<ul style="list-style-type: none"> • Penukaran huruf ‘illah di akhir kata akar kepada <i>hamzah</i> . Bemtuk pola asalnya ialah إِفْوَائِي
JK 8	إِيْفَاءُ	إِفْعَالُ <u>< 'if'ā'lun ></u>	إِيْعَاءُ <u>< 'i'tā'un ></u>	<ul style="list-style-type: none"> • Penukaran awalan huruf ‘illah pada kata akar kepada huruf <i>yā'</i> dan huruf ‘illah di akhiran kata akar kepada huruf <i>hamzah</i> . Bemtuk pola asalnya ialah إِوْفَائِي

Berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap pembentukan pola kata *masdar* WM 1 bagi contoh-contoh dalam jadual 6.1 di atas , mendapat enam jenis kod JK iaitu JK 2 ,JK 4 , JK 5 , JK 6 ,JK 7 dan JK 8 mengalami perubahan menyebabkan wujud perbezaan yang ketara dengan struktur wazan asal kata *maṣdar* iaitu إِفْعَالُ < 'if'ālun > . Sementara kod JK 1 إِكْرَامٌ dan kod JK 3 إِرْدَادٌ tidak mengalami sebarang perubahan pada struktur katanya malah tetap utuh dengan bentuk asalnya iaitu إِفْعَالُ < 'if'ālun > . Unsur –unsur perubahan yang terlibat adalah penukaran , penyuraian , pengalihan harakah dan pengguguran huruf .

Huruf *hamzah* pertama kata akar pada pola kata *maṣdar* ﴿إِخَادٌ﴾ bagi kod JK 2 dalam contoh di atas ditukarkan kepada huruf *yā* iaitu 'إِيْخَادٌ' kerana menyesuaikan dengan harakah *kasrah* huruf *hamzah* imbuhan sebelumnya . Pertukaran tersebut berlaku disebabkan pertemuan dua huruf *hamzah* secara berurutan dalam satu perkataan ('Abū Ḥanīfah bin Nu'mān , 1940 : 103) Perbezaan wazan adalah إِيْعَانٌ < i‘ān > .

Huruf *wāw* yang berharakah *sukūn* pada awalan kata akar pola kata *maṣdar* ﴿إِوصَالٌ﴾ dalam kod JK 4 pula ditukarkan kepada huruf *ya* 'إِيْصَالٌ' kerana mengikuti harakah *kasrah* huruf *hamzah* imbuhan sebelumnya . Perbezaan wazan adalah إِيْعَانٌ < i‘ān > ('Abduh al-Rājihiy , 1984 : 169) .

Manakala pola kata *maṣdar* ﴿إِعَادَةٌ﴾ bagi kod JK 5 terbentuk apabila harakah *fathah* pada huruf *wāw* 'إِعْوَادٌ' dipindahkan kepada huruf konsonan sebelumnya seperti 'إِعْوَادٌ' . Kemudian huruf *wāw* tersebut ditukar kepada huruf *alīf* kerana menyesuaikan harakah *fathah* pada huruf sebelumnya seperti 'إِخَادٌ' menyebabkan berlakunya pertembungan dua huruf *alīf* yang mewajibkan pengguguran salah satunya iaitu 'إِعَادٌ' . Menurut Baha'uddin Ibn 'Aqīl (1990 : 2 : 121) huruf *alīf* pertama yang merupakan huruf akar kedua digugurkan . Sementara al-Ḥamalāwiy (1995 : 93) dan Fakhruddin Qabāwat (1988 : 19) pula berpendapat huruf *alīf* kedua yang merupakan huruf imbuhan digugurkan . Kemudian huruf *tā' marbūtah* (ة) ditambah di akhiran sebagai gantian kepada huruf *alīf* yang digugurkan . Perbezaan wazan adalah إِفَالَةٌ < 'ifālatun > di sisi Ibn 'Aqīl dan إِفَنَّةٌ < 'ifa 'latun > di sisi al-Ḥamalāwiy dan Fakhruddin Qabāwat .

Penukaran huruf ‘illah di akhiran kepada huruf *hamzah* dapat dilihat pada pola kata *maṣdar* إِذْعَاءٌ و إِلْقَاءٌ dan dalam kod JK 6 dan kata *maṣdar* قُوَّاءٌ dalam kod JK 7 . pula asalnya ialah . Menurut kaedah morfologi , apabila huruf *yā’* atau huruf *wāw* berada di akhiran kata dan sebelum keduanya adalah huruf *alīf* imbuhan seperti إِفْرَاءٌ و إِعْلَاءٌ و إِلْقَاءٌ , maka kedua-dua huruf tersebut wajib ditukar kepada huruf *hamzah* seperti : قُوَّاءٌ ، إِذْعَاءٌ ، إِلْقَاءٌ (Khālid ‘Abdullah al-Azhari , t.t : 2 : 368). Perbezaan wazan adalah إِفْعَاءٌ < if‘ā’un > .

Pola kata *maṣdar* يُفَاعِدُ dalam kod JK 8 pula mengalami dua perubahan pada struktur katanya iaitu di awalan dan di akhiran . Huruf *wāw* yang mewakili huruf pertama kata akar إِفْرَاءٌ ditukarkan kepada huruf *yā’* bagi menyesuaikan dengan harakah *kasrah* huruf *hamzah* imbuhan sebelumnya . Manakala huruf *yā’* di akhiran إِفْرَاءٌ pula ditukarkan kepada huruf *hamzah* kerana berada selepas huruf *alīf* imbuhan . Perbezaan wazan adalah إِيْعَاءٌ < ’ī ‘ā’un >.

2) Analisis Pola *Maṣdar* WM 3 : تَفْعِيلٌ / تَفْعِلَةً <taf‘ilun / taf‘ilatun>

Jadual 6.2 : Analisis pola *maṣdar* bagi wazan WM 3 : تَفْعِيلٌ / تَفْعِلَةً

<taf‘ilun / taf‘ilatun>

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 1	تَذْبِيرٌ	تَفْعِيلٌ	Tiada	• Tiada perubahan
	تَذْكِرَةٌ	تَفْعِلَةٌ		• Tiada perubahan
JK 2	تَأْيِيرٌ	تَفْعِيلٌ	Tiada	• Tiada perubahan
	تَأْذِنَةٌ	تَفْعِلَةٌ		• Tiada perubahan
JK 3	تَقْرِيرٌ	تَفْعِيلٌ	Tiada	• Tiada perubahan
	تَقْرِيرَةٌ	تَفْعِلَةٌ		• Tiada perubahan
JK 4	تَوْجِيدٌ	تَفْعِيلٌ	Tiada	• Tiada perubahan
	تَوْسِعةٌ	تَفْعِلَةٌ		• Tiada perubahan
JK 5	تَطْوِيلٌ	تَفْعِيلٌ	Tiada	• Tiada perubahan
	تَطْوِيلَةٌ	تَفْعِلَةٌ		• Tiada perubahan
JK 6	تَعْزِيزٌ	تَفْعِلَةٌ	Tiada	• Tiada perubahan
JK 7	تَسْوِيهٌ	تَفْعِلَةٌ	Tiada	• Tiada perubahan
JK 8	تَوْصِيَّةٌ	تَفْعِلَةٌ	Tiada	• Tiada perubahan

Analisis dalam jadual 6.2 di atas menunjukan bahawa struktur kata nama *māṣdar* bagi semua jenis kod JK tidak mengalami sebarang perubahan pada susunan katanya . Wazan تَفْعِلَةٌ < taf' ilatun > lebih popular digunakan bagi kod JK 6, JK 7 , JK 8 berbanding wazan تَفْعِيلٌ < taf' īlun >. Manakala JK 2 pula penggunaan wazan تَفْعِلَةٌ < taf' ilatun > adalah lebih popular apabila huruf *hamzah* pada kata dasar berada di akhiran seperti تَهْنِئَةٌ ، تَعْبِيَةٌ (Sibawayh ,1982 :2 : 244).

3) Analisis Pola *Māṣdar* WM 4 : فَعَالٌ / مُفَاعَلٌ < mufā'latun / fi'ālun >

Jadual 6.3 : Analisis pola *māṣdar* bagi wazan WM 4 : فَعَالٌ / مُفَاعَلٌ : < mufā'latun / fi'ālun >

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 1	مُجَاهَدَةٌ جَهَادٌ	مُفَاعَلَةٌ فِعَالٌ	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan • Tiada perubahan
JK 2	مَوَامِرَةٌ إِمَارٌ	مُفَاعَلَةٌ فِعَالٌ	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan • Tiada perubahan
JK 3	مُحَابَةٌ جِنَابٌ	مُفَاعَلَةٌ فِعَالٌ	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan • Tiada perubahan
JK 4	مُوَاصِلَةٌ وَفَاقٌ	مُفَاعَلَةٌ فِعَالٌ	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan • Tiada perubahan

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 5	مُعَايَةٌ جِوَارٌ	مُفَاعَلَةٌ فِعالٌ	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan • Tiada perubahan
JK 6	مُلَاقَةٌ نِدَاءٌ	مُفَاعَلَةٌ فِعالٌ <u><fi 'ā'un></u>	Tiada <u>فَعَاءٌ</u> <u><fi 'ā'un></u>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan • Huruf 'illah di akhiran kata akar ditukar kepada huruf <i>hamzah</i>. Bentuk asalnya ialah نِدَاءٍ يٰ
JK 7	مُسَاوَةٌ سِوَاءٌ	مُفَاعَلَةٌ فِعالٌ <u><fi 'ā'un></u>	Tiada <u>فَعَاءٌ</u> <u><fi 'ā'un></u>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan • Huruf 'illah diakhiran kata akar ditukar kepada huruf <i>hamzah</i>. Bentuk asalnya ialah سِوَاءٍ يٰ
JK 8	مُؤَلَّةٌ وِقَاءٌ	مُفَاعَلَةٌ فِعالٌ <u><fi 'ā'un></u>	Tiada <u>فَعَاءٌ</u> <u><fi 'ā'un></u>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan • Huruf 'illah diakhiran kata akar ditukar kepada huruf <i>hamzah</i>. Bentuk asalnya ialah وِقَاءٍ يٰ

Analisis yang dijalankan terhadap pembentukan pola kata *masdar* WM 1 bagi contoh-contoh dalam jadual 6.3 di atas mendapati bahawa wazan kata *masdar* مُفَاعِلٌ < mufa' alatun > dan فَعَالٌ < fi' alun > tidak mengalami sebarang perubahan besar pada struktur katanya bagi semua kategori kod JK . Ia boleh diperolehi secara *qiyās* dari kata kerja *thulathiy* *mujarrad* فَعْلٌ < fa'ala > ('Abdullah 'Ibn 'Aqīl , 1990 : 2 : 122)) . Wazan مُفَاعِلٌ < mufā' alatun > mempunyai kekerapan yang paling tinggi dan sangat popular berbanding wazan فَعَالٌ < fi'ālun >.

Al-Ḥamalāwi (1995 : 94) dalam kitabnya *Shadha al-'Urf Fi Fan al-Sarf* menyatakan bahawa sekiranya huruf pertama kata akar dalam kategori kod JK 4 terdiri daripada huruf *yā* seperti يَامَنٌ , maka wazan *maṣdarnya* adalah مُفَاعِلٌ < mufā' alatun > seperti مُيَامِنَةٌ dan penggunaan wazan فَعَالٌ < fi'ālun > tidak dibenarkan mengikut kaedah morfologi.

Analisis yang dijalankan juga mendapati perubahan kecil turut berlaku pada wazan فَعَالٌ < fi'ālun > khususnya bagi kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 seperti نَدَاءُ , وَقَاءُ وَسَوَاءُ dan سَوَاءٌ di mana bentuk asalnya adalah نَدَاءٌ ، وَقَاءٌ وَسَوَاءٌ . Menurut kaedah morfologi , apabila huruf *yā'* berada di akhiran kata dan sebelumnya adalah huruf *alif* imbuhan , maka wajib ditukarkan kepada huruf *hamzah* (Khālid 'Abdullah al-'Azhariy , t.t : 2 : 368) seperti: نَدَاءُ ، وَقَاءُ وَسَوَاءٌ dan سَوَاءٌ . Perbezaan wazan adalah فَعَاءٌ < fi'ā'un >.

4) Analisis Pola *Masdar* WM 5 : تَفَاعُلٌ < *tafā‘ulun* >

Jadual 6.4 : Analisis pola *masdar* bagi wazan WM 5 : تَفَاعُلٌ < *tafā‘ulun* >

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 1	تَضَارُبٌ	تَفَاعُلٌ	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan
JK 2	تَأْخِذُ		<u>تَأْعُلُ</u> <u>< <i>ta’ā‘lun</i> ></u>	<ul style="list-style-type: none"> • Penyerapan huruf pertama dan kedua kata akar
JK 3	تَحَابَّ		<u>تَفَالٌ</u> <u>< <i>tafallun</i> ></u>	<ul style="list-style-type: none"> • Penyerapan huruf kedua dan akhir kata akar .
JK 4	تَوَارِدٌ	تَفَاعُلٌ	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan
JK 5	تَشَافُرٌ	تَفَاعُلٌ	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan
JK 6	تَلَاقٍ التَّلَاقِ		<u>تَفَاعٍ</u> <u>< <i>tafā‘in</i> ></u> <u>الْتَّفَا عِيٰ</u> <u>< <i>al-tafā‘ī</i> ></u>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguguran huruf ‘illah di akhiran ketika <i>nakirah</i> dan huruf kedua kata akar <i>dikasrah</i> bersama <i>tanwīn</i>. • Penukaran huruf akhir kata akar kepada huruf <i>yā’</i>
JK 7	تَسَاءُرٌ		<u>تَفَاعٍ</u> <u>< <i>tafā‘in</i> ></u>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguguran huruf ‘illah di akhiran ketika <i>nakirah</i> dan huruf kedua kata akar <i>dikasrah</i> bersama <i>tanwīn</i>. • Penukaran huruf akhir kata

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
	التساويِ		التفاءِ عَنْ <u><al-tafā‘ī></u>	akar kepada huruf <i>yā’</i>
JK 8	توارِ		تفاءُ <u><tafā‘in></u>	<ul style="list-style-type: none"> Pengguguran huruf ‘illah di akhiran ketika <i>nakirah</i> dan huruf kedua kata akar <i>dikasrah</i> bersama <i>tanwīn</i>.
	الثوارِ		التفاءِ عَنْ <u><al-tafā‘ī></u>	<ul style="list-style-type: none"> Penukaran huruf akhir kata akar kepada huruf <i>yā’</i>

Analisis pola *maṣdar* WM 5 تَفَاعُلٌ <tafā‘ulun> dalam jadual 6.4 di atas mendapati tidak ada perubahan ketara pada pola kata *maṣdar* bagi kategori kod JK 1 , JK 2 , JK 4 dan JK 5 . Huruf-huruf awalan , sisipan dan akhiran tetap utuh pada tempat masing-masing . Perubahan struktur kata hanya berlaku pada kategori kod JK 3 , JK 6 , JK 7 dan JK 8 tetapi bersabit dengan perkara yang kecil-kecil sahaja iaitu penyerapan , pengguguran dan penukaran huruf .

Penyerapan huruf berlaku pada pola kata *maṣdar* bagi kod JK 3 iaitu ثَابٌ di mana bentuk asalnya adalah ثَابَبٌ berdasarkan wazan تَفَاعُلٌ <tafā‘ulun>. Mengikut kaedah morfologi , apabila huruf kedua dan ketiga kata akar dari jenis yang sama didapati berharakah , maka penyerapan adalah wajid seperti (Khālid Bin ‘Abdullah al-’Azhariy , t.t: 2 : 398) .

Manakala pengguguran huruf ‘illah di akhiran dan huruf kedua sebelum akhir *ditanwinkan* pada pola kata *masdari* bagi kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 seperti ثلاقيٌ ، تساوىٌ dan تساوىٌ pula kerana berada dalam keadaan *nakirah* . Perbezaan wazan adalah تفاععٌ < tafā‘n > . Sebaliknya jika keadaanya *ma’rifah* , maka huruf akhiran tersebut kekal pada tempatnya seperti التساويٌ dan الثلاقيٌ . Menurut peraturan morfologi , apabila pola kata *masdari* تفاععٌ dari jenis *mu’tal akhir* seperti kod JK 6 , JK 7 dan JK 8, maka huruf kedua sebelum kata *masdari* tersebut wajib ditukar kepada *kasrah*. Perbezaan wazan adalah التفا عيٌّ < al-tafā‘ī > (‘Abduh al-Rājihiy , 1984 : 71) .

5) Analisis Pola *Masdari* WM 6 : افتغانٌ < ifti‘ālun >

Jadual 6.5 :Analisis pola *masdari* bagi wazan WM 6 : افتغانٌ < ifti‘ālun >

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 1	اجْتِهَادٌ	افتغانٌ	Tiada	• Tiada perubahan
JK 2	إِنْتِخَادٌ	افتغانٌ	Tiada	• Tiada perubahan
JK 3	إِشْتِدَادٌ	افتغانٌ	Tiada	• Penyuraian huruf kedua dan akhir kata akar
JK 4	إِضْنَاحٌ	انْجَانٌ <u>< itti‘ālun ></u>		• Penukaran huruf pertama kata akar kepada huruf <i>tā’</i>
JK 5	إِحْتِيَاجٌ	افتنيانٌ <u>< iftiyyālun ></u>		• Penukaran huruf kedua kata akar kepada huruf <i>yā’</i>

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 6	إِعْتِدَاءُ		إِفْتِعَاءُ <u><ifti 'ā'un ></u>	• Penukaran huruf akhir kata akar kepada <i>hamzah</i> .
JK 7	إِسْتِوَاءُ		إِفْتِعَاءُ <u><ifti 'ā'un ></u>	• Penukaran huruf akhir kata akar kepada <i>hamzah</i>
JK 8	إِثْقَاءُ		إِلْتَحَاءُ <u><itti 'ā'un ></u>	• Penukaran huruf pertama kata akar kepada huruf <i>tā'</i> dan huruf akhir kata akar kepada <i>hamzah</i> .

Analisis yang dijalankan terhadap pembentukan pola kata *maṣdar* WM 6 dalam jadual 6.5 di atas , menunjukan bahawa kod JK 4 , JK 5 , JK 6 , JK 7 dan JK 8 mengalami perubahan pada struktur katanya dan menyalahi bentuk wazan asalnya iaitu إِفْتِعَال <if'ti 'ālun > . Sementara kod JK 1 اِجْتِهَاد , kod JK 2 اِنْتِخَاد dan kod JK 3 اِشْتَدَاد tidak mengalami sebarang perubahan bunyi pada struktur katanya malah tetap utuh dengan bentuk asalnya iaitu إِفْتِعَال <if'ti 'ālun > .

Mengikut kaedah morfologi , huruf *hamzah* bagi contoh اِنْتَخَاد pada kod JK 3 tetap kekal dalam keadaan asalnya dan tidak boleh ditukarkan kepada huruf *tā'* , kerana ia bukan dari huruf *layyin* (حرف لين) iaitu *alif* , *wāw* dan *yā'*. Jika berlaku penukaran nescaya huruf yang ditukar adalah huruf *yā'* kerana harakah huruf sebelumnya adalah *kasrah* seperti اِيْتِخَاد . Walaupun ada kedengaran daripada

penggunaan orang Arab perkataan ﺍِتْخَادٌ tetapi ia adalah dari perkataan ﺗَخَدَّدٌ bukannya daripada أَخْدَدٌ . Muḥammad ‘Abdul ‘Azīz al-Najjār (1967 : 2 : 510-511) dalam kajiannya turut menegaskan jika terdapat penggunaan orang Arab bagi perkataan اِنْكَلٌ ، اِنْمَنٌ ، اِنْرَرٌ ، maka beliau menganggap sebagai *shadh* (شَذٌ) dan diluar kaedah morfologi .

Huruf *wāw* atau huruf *yā'* apabila kedua-duanya berada pada huruf pertama kata akar bagi kod JK 4 , maka wajib diganti keduanya dengan huruf *tā'* seperti اِنْصَاحٌ menjadi اِنْتَعَظٌ dan اِنْصَاحٌ menjadi اِنْتَعَظٌ . Perbezaan wazan adalah اِنْشَاعٌ < *itti'ālun* >. Jika kedua-dua huruf tersebut bukan huruf asal sebaliknya adalah gantian daripada huruf *hamzah* , maka kedua-duanya tidak boleh ditukar kepada huruf *tā'* seperti اِنْتَكَلٌ (asalnya اِنْشَاعٌ) (Ibn ‘Aqīl , 1990 : 2 : 533) .

Manakala kata *maṣdar* bagi kod JK 5 iaitu اِحْتِيَاجٌ pula terbentuk disebabkan penukaran huruf *wāw* di sisipan اِجْتِواَخٌ kepada huruf *yā'* kerana kedudukannya antara huruf *alīf* imbuhan dan harakah *kasrah* huruf sebelumnya (al-Ḥamalāwiyy , 1995 : 193). Perbezaan wazan adalah فُتِيَالٌ < *iftiyālun* > .

Pola kata masdar اِسْتِوَاءٌ dan اِعْتِدَاءٌ masing-masing bagi kod JK 6 dan JK 7 dalam contoh di atas terbentuk melalui proses penukaran huruf . Menurut kaedah morfologi , huruf *yā'* اِغْتِدَاءٌ atau huruf *wāw* اِسْتِوَاءٌ apabila berada di akhiran kata dan sebelumnya keduanya adalah huruf *alīf* imbuhan , maka wajib ditukar kepada huruf *hamzah* seperti اِعْتِدَاءٌ dan اِسْتِوَاءٌ . Perbezaan wazan adalah اِفْتِيَاعٌ < *ifti'ā'un* > (‘Abduh al-Rājihiy 1984 : 158 , Khālid ‘Abdullah al-’Azhariy , t.t : 2 : 368) .

Pola kata *masdar* ﺍِنْقَاءُ dalam kod JK 8 pula mengalami dua perubahan pada struktur katanya iaitu di awalan dan di akhiran . Huruf *wāw* yang mewakili huruf pertama kata akar *إِنْفَاعِي* wajib ditukarkan kepada huruf *tā'* ﺍِنْقَاءُ dan huruf *yā'* di akhiran ﺍِنْفَاعِي pula ditukarkan kepada huruf *hamzah* kerana berada selepas huruf *alīf* imbuhan . Perbezaan wazan adalah انْعَاءُ <itti''ā 'un> .

6) Analisis Pola *Masdar* WM 7 : تَفْعُلٌ <*tafa‘ulun*>

Jadual 6.6 : Analisis pola *masdar* bagi wazan WM 7 : تَفْعُلٌ <*tafa‘ulun*>

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 1	تَعْلِمُ	تَفْعُلٌ	Tiada	▪ Tiada perubahan
JK 2	تَأْتِرُ	تَفْعُلٌ	Tiada	▪ Tiada perubahan
JK 3	تَرَدَّدُ	تَفْعُلٌ	Tiada	▪ Tiada perubahan
JK 4	تَوَقَّفُ	تَفْعُلٌ	Tiada	▪ Tiada perubahan
JK 5	تَجُولُ	تَفْعُلٌ	Tiada	▪ Tiada perubahan
JK 6	تَأْلِقُ الْأَنْقَافِي		تَفْعُلٌ <u><<i>tafa‘in</i>></u> الْأَنْفَعِي	▪ Pengguguran huruf ‘illah di akhiran ketika <i>nakirah</i> dan huruf kedua kata akar <i>dikasrahkan</i> serta <i>tanwīn</i> ▪ Penukaran huruf akhir kata

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
			<u>< al-tafa ‘īn ></u>	akar kepada huruf <i>yā’</i>
JK 7	ٖٕٔٓٔٓ الْثَّقُوْيِ		ٖٕٔٓٔٓ <u>< tafa ‘in ></u> الْثَّفَعِيْنِ <u>< al-tafa ‘īn ></u>	<ul style="list-style-type: none"> Pengguguran huruf ‘illah di akhiran ketika <i>nakirah</i> dan huruf kedua kata akar <i>dikasrahkan</i> serta <i>tanwīn</i> Penukaran huruf akhir kata akar kepada huruf <i>yā’</i>
JK 8	ٖٖٔٓٔٔٓ الْثَّوَلِيْنِ		ٖٖٔٓٔٔٓ <u>< tafa ‘in ></u> الْثَّفَعِيْنِ <u>< al-tafa ‘īn ></u>	<ul style="list-style-type: none"> Pengguguran huruf ‘illah di akhiran ketika <i>nakirah</i> dan huruf kedua kata akar <i>dikasrahkan</i> serta <i>tanwīn</i> Penukaran huruf akhir kata akar kepada huruf <i>yā’</i>

Berdasarkan contoh –contoh kata *māṣdar* WM 7 dalam jadual 6.6 di atas , menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang perubahan pada struktur kata bagi wazan kod JK 1 , JK 2 , JK 3 , JK 4 dan JK 5 malah tetap utuh dan kekal dengan bentuk wazan asalnya iaitu ٖٖٔٓٔٔٓ < tafa ‘ulun >. Perubahan hanya berlaku pada tiga kategori kata *māṣdar* sahaja iaitu yang mewakili kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 seperti ٖٖٔٓٔٔٓ , ٖٖٔٓٔٔٓ . Unsur –unsur perubahan yang terlibat adalah pengguguran huruf ‘illah di akhiran , penukaran huruf dan harakah .

Penukaran huruf ‘illah’ kepada huruf ya’ dan harakah *dammah* pada huruf kedua kata akar ditukarkan kepada harakah *kasrah* pada kod JK 6, JK 7 dan JK 8.

Perbezaan wazan adalah الْتَّفَعُّلِيٌّ <al-tafa‘īl> (Maḥmūd Sulaimān Yāqūt , 1994 : 282). Pengguguran huruf ‘illah’ di akhiran dan diganti dengan *tanwīn* turut berlaku ketika kata *maṣdar* tersebut dalam keadaan *nakirah* (Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 152) seperti تَقْوَةٌ, تَلْقَىٰ dan تَوْلَىٰ. Perbezaan wazan adalah تَفْعِيلٌ <tafa‘īl>.

7) Analisis Pola *Maṣdar* WM 8 : الْنِفَاعَلِيٌّ <infi‘ālun>

Jadual 6.7 : Analisis pola *maṣdar* bagi wazan WM 8 : الْنِفَاعَلِيٌّ <infi‘ālun>

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 1	<u>إِنْكِسَارٌ</u>	<u>إِنْفِعَالٌ</u>	Tiada	▪ Tiada perubahan
JK 2	<u>إِنْتِطَازٌ</u>	<u>إِنْفِعَالٌ</u>	Tiada	▪ Tiada perubahan
JK 3	<u>إِنْجَطَاطٌ</u>	<u>إِنْفِعَالٌ</u>	Tiada	▪ Penyuraian huruf kedua dan akhir kata akar
JK 4	Tidak wujud	-	-	-
JK 5	<u>إِنْجِيَازٌ</u>		<u>إِنْفِيَالٌ</u> <u><infiyālun></u>	▪ Penukaran huruf kedua kata akar kepada huruf ya’.
	<u>إِنْجَلَاءٌ</u>		<u>إِنْفِعَاءٌ</u>	▪ Penukaran huruf akhir

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 6			<u>< infi 'ā'un ></u>	kata akar kepada <i>hamzah</i> .
JK 7	اِنْطِوَاءُ		<u>اِنْفِعَالُ</u> <u>< infi 'ā'un ></u>	▪ Penukaran huruf akhir kata akar kepada <i>hamzah</i> .
JK 8	Tidak wujud	-	-	-

Analisis yang dijalankan terhadap pola kata *maādar* WM 8 dalam jadual 6.7 di atas , mendapati tiga bentuk pola kata *masdar* yang mengalami perubahan yang ketara pada struktur katanya dan mengubah bentuk wazan asalnya iaitu اِنْفِعَالُ < *infi 'ālun* >. Ketiga –tiga pola tersebut mewakil kod JKM 2 iaitu JK 5 ,JK 6 dan JK 7. Unsur perubahan melibatkan penukaran huruf ‘*illah* . Sementara kod JKS 1 yang terdiri daripada kod JK 1, JK 2 dan JK 3 tidak mengalami sebarang perubahan pada struktur kata dan kekal dengan wazan asalnya iaitu اِنْفِعَالُ < *infi 'ālun* >. Manakala kod JK 4 dan kod JK 8 pula penggunaannya adalah sangat tidak produktif dan tidak wujud dalam kebanyakan kamus .

Penukaran huruf ‘illah’ kepada huruf ya’ berlaku pada huruf kedua kata akar bagi kod JK 5 samada asal huruf kedua tersebut huruf ya’ atau sebaliknya seperti الْحِيَازُ (Maḥmūd Sulaimān Yāqūt , 1994 : 283). Perbezaan wazan adalah الْفِيَالُ < infiyālun >. Manakala penukaran huruf ‘illah’ di akhiran kepada huruf *hamzah* turut dilihat berlaku pada kata *maṣdar* bagi kod JK 6 dan JK 7 seperti الْنِطْوَاءُ وَ الْجَلَاءُ . Penukaran huruf *hamzah* tersebut disebabkan huruf ya’ berada selepas huruf *alif* imbuhan (‘Abduh al-Rājihiy , 1984 : 158) . Perbezaan wazan adalah الْفِعَاءُ < infi‘āun >.

8) Analisis Pola *Maṣdar* WM 9 : اِسْتِفْعَالٌ < istif‘ālun >

Jadual 6.8 :Analisis pola *maṣdar* bagi wazan WM 9 : اِسْتِفْعَالٌ < istif‘ālun >

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 1	اِسْتِغْفَارُ	اِسْتِفْعَالٌ	Tiada	▪ Tiada perubahan
JK 2	اِسْتِذْدَانُ	اِسْتِفْعَالٌ	Tiada	▪ Tiada perubahan
JK 3	اِسْتِقْرَارُ	اِسْتِفْعَالٌ	Tiada	▪ Penyuraian huruf kedua dan akhir kata akar
JK 4	اِسْتِبْصَاحُ		اِسْتِنْعَالٌ <u>< isti‘ālun ></u>	▪ Penukaran huruf pertama kata akar kepada huruf ya’. Bentuk asalnya ialah اِسْتُوْضَاحٌ

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 5	اسْتِجَابَةٌ		اسْتِفَالَةٌ <u>< istifālatun ></u>	<ul style="list-style-type: none"> Pengguguran huruf kedua kata akar iaitu huruf <i>alīf</i> dan penambahan huruf <i>tā'</i> di akhiran sebagai bentuk asalnya ialah <i>استخواب</i>
JK 6	اسْتِدْعَاءٌ		اسْتِفَعَاءٌ <u>< istif‘ā'un ></u>	<ul style="list-style-type: none"> Penukaran huruf akhir kata akar kepada hamzah. Bentuk asalnya ialah <i>استدعا</i>
JK 7	اسْتِهْوَاءٌ		اسْتِفَعَاءٌ <u>< istif‘ā'un ></u>	<ul style="list-style-type: none"> Penukaran huruf akhir kata akar kepada <i>hamzah</i>. Bentuk asalnya ialah <i>استهواي</i>
JK 8	اسْتِبْلَاءٌ		اسْتِبْلَاءٌ <u>< istiblā'u ></u>	<ul style="list-style-type: none"> Penukaran huruf pertama kata akar kepada huruf <i>yā'</i> dan huruf akhir kata akar kepada <i>hamzah</i>. Bentuk asalnya ialah <i>استبلاء</i>

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
				اسْتِوْلَاءُ

Analisis terhadap pembentukan pola kata *masdar* bagi WM 9 **إِسْتِفْعَالٌ** < *istif ‘ālun* > dalam jadual 6.8 di atas , mendapati kata *maṣdar* bagi kod JK 1 , JK 2 dan JK 3 tidak mengalami sebarang perubahan pada struktur kata dan kekal dengan wazan asalnya . Manakala kata *masdar* yang mewakili kod JK 4 , JK 5 , JK 6 , JK 7 dan JK 8 pula mengalami perubahan yang ketara pada struktur katanya kesan daripada kewujudan huruf ‘illah. Unsur perubahan yang terlibat adalah penukaran huruf , pengalihan harakah dan penambahan huruf .

Penukaran huruf *wāw* di awalan kata akar bagi kod JK 4 **إِسْتُوْضَاحٌ** kepada huruf *yā’* **إِسْتِيْضَاحٌ** kerana menyesuaikan dengan harakah *kasrah* pada huruf sebelumnya. Perbezaan wazan adalah **إِسْتِيْغَانٌ** < *istī‘ālun* > .

Proses perubahan morfologi pada pola kata *maṣdar* bagi kod JK 5 berlaku apabila harakah *fathah* pada huruf *wāw* **إِسْتِجْوَابٌ** dipindahkan kepada huruf *sāhīh* sebelumnya **إِسْتِجْوَابٌ** . Kemudian huruf *wāw* ditukar kepada huruf *alīf* kerana menyesuaikan dengan harakah *fathah* sebelumnya **إِسْتِجَابٌ** menyebabkan berlaku pertembungan dua huruf *alīf* yang mewajibkan pengguguran salah satunya **إِسْتِجَابٌ** . Kemudian huruf *alīf* yang digugurkan itu digantikan dengan huruf *tā’* gantian di akhiran kata seperti **إِسْتِجَابَةٌ** (‘Abduh al-Rājihiy ,1984 : 158) . Perbezaan wazan adalah **إِسْتِفَالَةٌ** < *istifālatun* > .

Proses penukaran huruf turut berlaku pada kata *mashdar* bagi kod JK 6 dan JK 7 , di mana huruf *wāw* di akhiran kod JK 6 ﴿سْتِدْعَاءُ﴾ dan huruf *yā'* akhiran kod JK 7 ﴿سْتَهْوَايٰ﴾ ditukarkan kepada huruf *hamzah* kerana keduanya berada selepas huruf *alif* imbuhan seperti ﴿سْتِدْعَاءُ﴾ dan ﴿سْتَهْوَايٰ﴾ (Ibn ‘Aqīl , 1990 : 2 : 121 ,) . Perbezaan wazan adalah ﴿سْتَفْعَاءُ﴾ <*istif‘ā’un*> .

Manakala proses penukaran huruf pada kata *mashdar* bagi kod JK 8 berlaku apabila huruf awalan *wāw* pada kata akar ﴿سْتِوْلَاءُ﴾ ditukarkan kepada huruf *yā'* ﴿سْتِيْلَاءُ﴾ kerana menyesuaikan dengan harakah *kasrah* huruf sebelumnya . Kemudian huruf *yā'* yang berada di akhiran kata wajib ditukar dengan huruf *hamzah* kerana berada selepas huruf *alif* tambahan seperti ﴿سْتِيْلَاءُ﴾ . Perbezaan wazan adalah ﴿سْتَنْجَعَاءُ﴾ <*isti‘ā’un*> (Khālid ‘Abdullah al-’Azhariy , t.t : 2 : 368 , 375)

6.1.1.2 Pembentukan Pola Kata nama *Mashdar Rubā’iy Mujarrad*

Pola kata nama *mashdar* dari kata kerja *rubā’iy mujarrad* hanya terdiri daripada dua bentuk wazan sahaja iaitu WM 14 ﴿فَعَلَةٌ﴾ <*fa'lalatun*> dan ﴿فَعَلَنٌ﴾ <*fi'lālun*> (‘Abduh al-Rājihiy , 1984 : 69) . Contohnya : ، وَسْوَاسٌ - وَسْوَسَةٌ زَرَانٌ - زَرَنَةٌ.

6.1.1.3 Pembentukan Pola Kata nama *Masdar Rubā‘iy Mazīd*

Pola kata nama *masdar* dari golongan kata kerja *rubā‘iy mazīd* hanya terdiri daripada tiga bentuk wazan sahaja (Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 140) iaitu WM 15 تَفْعِلْ *<tafa'lulun>* bagi imbuhan satu huruf تَفْعُلْ seperti : تَدْخُرْجُ , تَبْعُثْرُ , WM 16 أَفْعَنْلَانْ *<if' inlālun>* bagi imbuhan dua huruf أَفْعَنْلَانْ seperti إِسْحَنْفَارُ , إِفْرِنْقَاعُ , إِحْرِنْجَامُ WM 17 أَفْعَلَانْ *<if' ilālun>* bagi imbuhan dua huruf أَفْعَلَانْ seperti إِفْشِغَرَارُ , إِشْمِنْزَارُ , إِطْمِنْنَانُ .

6.1.2 ANALISIS KATA NAMA *MAŞDAR SAMĀ‘IY*

Kata nama *maşdar samā‘iy* adalah kata nama yang tidak boleh *dīqiyās* . Lazimnya ia terbentuk dari golongan kata kerja *thulāthiy mujarrad* . Ibn Ḥājib (t.t : 2 : 192) dalam kitabnya *sharḥ al-kāfiyah* menyebut bahawa semua kata nama *maşdar* dari kata kerja *thulāthiy mujarrad* adalah *samā‘iy* yang dinukil daripada penutur jati Arab .

Pembentukan pola kata nama *maşdar* dalam golongan ini tidak memerlukan kepada wazan-wazan tertentu kerana bentuk wazan dan harakah-harakah pada setiap susunan hurufnya telah ditentukan secara nukilan daripada sebutan penutur jati Arab . Kata nama *maşdar* jenis ini mempunyai berbagai-bagai bentuk wazan yang

tidak seragam mengikut bagaimana didatangkan oleh penutur asli Arab (Sharifuddin ‘Aliy al-Rājīhiy , t.t : 60) . Dengan kata lain , wazan-wazan yang wujud pada golongan ini tidak berperanan sebagai *qiyās* bagi pembentukan pola kata nama *maṣdar thulāthiy mujarrad* . Justeru , mengenalpasti kata nama *maṣdar* bagi kata kerja *thulāthiy mujarrad* ini secara tepat adalah dengan merujuk terus kepada penutur jati Arab atau kamus (Maḥmūd Sulaimān Yāqūt , 1994: 78) .

Antara pola-pola kata nama *masdar samā‘iy* dari golongan kata kerja *thulāthiy mujarrad* menurut Sibawayh (1982 : 2 : 214-233) dalam kitabnya adalah seperti berikut :

1. فُورٌ , جَوْلٌ <fa'lun> seperti : فَعْلٌ
2. شَرَفٌ , طَلْبٌ <fa'alun> seperti : فَعْلٌ
3. تَعِبٌ , كَذِبٌ <fa'ilun> seperti : فَعْلٌ
4. سُوءٌ , كُفْرٌ <fu'lun> seperti : فُعْلٌ
5. هُدَىٰ , هُدَىٰ <fu'alun> seperti : فُعْلٌ
6. فِسْقٌ , سِحْرٌ <fi'lun> seperti : فِعْلٌ
7. رِضَىٰ , غِنَىٰ <fi'alun> seperti : فِعْلٌ
8. حَشْيَةٌ , رَحْمَةٌ <fa'latun> seperti : فَعْلَةٌ
9. جَلَبَةٌ , غَلَبَةٌ <fa'alatun> seperti : فَعْلَةٌ
10. فَطِئَةٌ , سَرَقَةٌ <fa'ilatun> seperti : فَعْلَةٌ
11. جُرَاءٌ , سُرْعَةٌ <fu'latun> seperti : فُعْلَةٌ
12. حَمْبَةٌ , قِلَّةٌ <fi'latun> seperti : فَعْلَةٌ
13. سُهُولَةٌ , صُعُوبَةٌ <fu'uлатун> seperti : فُعْلَةٌ
14. عِيَادَةٌ , زِيَارَةٌ <fi'aлатун> seperti : فَعْلَةٌ

15. فُعْوَنْ <fu 'ūlun> seperti : **جُحُودٌ**, **نُفُورٌ**
16. فَعَالٌ <fa 'ālun> seperti : **ذَهَابٌ**, **سَمَاعٌ**
17. فَعَالَةٌ <fa 'ālatun> seperti : **قَنَاعَةٌ**, **نَصَارَةٌ**
18. فُعَالٌ <fu 'ālun> seperti : **سُؤَالٌ**, **مُزَاحٌ**
19. فَعَلَانٌ <fa 'lānun> seperti : **شَنَآنٌ**, **لَيَانٌ**
20. فَعَلَانٌ <fa 'alānun> seperti : **حَيَّدَانٌ**, **مَيَّلَانٌ**
21. فَعَلَانٌ <fi 'lānun> seperti : **وِجْدَانٌ**, **حِرْمَانٌ**
22. فَعَلَانٌ <fu 'lānun> seperti : **رُجَحَانٌ**, **كُفَرَانٌ**
23. فَعَوْنٌ <fa 'ūlun> seperti : **وَقُودٌ**, **قَبُونٌ**
24. تَفْعَالٌ <tif'ālun> seperti : **تِلْفَاءٌ**
25. فَيْعَلَوْلَةٌ <fai 'alūlatun> seperti : **بَيْلُونَةٌ**, **كَيْلُونَةٌ**
26. فُغَلَىٰ <fu 'lā> seperti : **رُجَعَىٰ**, **خُسَنَىٰ**
27. فَعَلَىٰ <fi 'lā> seperti : **ذُكْرَىٰ**

Para sarjana bahasa Arab mutakhir seperti Ibn Mālik dan Rid'uddin pula mengatakan bahawa terdapat juga sebahagian kata nama *mashdar* dari kata kerja *thulāthiy mujarrad* yang boleh *diqiyās* berdasarkan persamaan makna dan wazan (dipetik dari Khadījah al-Hadīthiy , 1965 : 211-226) . Menurut Sharifuddin ‘Aliy al-Rājihiy (t.t: 90) *qiyyās* yang dimaksudkan di sini bukannya secara mutlak tetapi semata-mata mendekatkan jurang وَجْهُ التَّقْرِيب // *wajh al-taqrīb* // kerana kelazimannya, seperti wazan فَعَالٌ <fi 'ālun> yang menunjukan makna اِمْتِنَاعٌ // *imtīnā‘*// iaitu tegahan dan halangan seperti اِبَاءٌ seperti شِرَادٌ dan اِبَاءٌ , wazan اِمْتِنَاعٌ فَعَالَةٌ <fi 'ālatun> yang lazimnya menunjukan makna الحرف // *hiraf*// iaitu bentuk pekerjaan seperti تَجَارَةٌ, زِرَاعَةٌ , wazan فَعَلَانٌ <fa 'alānu> yang

lazimnya menunjukkan makna اضطراب *idtirāb* // تقلب *taqallub* // iaitu bentuk tidak tetap dan berbalik-balik seperti دَوْرَانٌ , غَلَيَانٌ seperti wazan فَعَالٌ *<fu‘alun>* seperti نُعَاسٌ wazan فَعَلٌ *<fa‘alun>* yang lazimnya menunjukkan makna دَاءٌ // *dā’* // iaitu bentuk penyakit seperti عَطَاسٌ , سُعَالٌ seperti مَرَضٌ wazan فَعُولٌ *<fu‘ulun>* yang lazimnya *mashdar* bagi kata kerja tak transitif daripada wazan فَعَلٌ *<fa‘ala>* yang tidak menunjukkan makna-makna seperti penyakit , kesedihan dan kegembiraan , ketakutan , keiaban , kelaparan dan kehausan seperti هُدُوءٌ وَرُؤُودٌ dan فَعِيلٌ *<fa‘ilun>* yang lazimnya *mashdar* bagi kata kerja tak transitif daripada wazan فَعَلٌ *<fa‘ala>* yang tidak menunjukkan makna-makna suara seperti هَدِيرٌ , wazan فَعْلٌ *<fa‘lun>* yang lazimnya *mashdar* bagi kata kerja transitif daripada wazan فَعَلٌ *<fa‘ala>* seperti ضَرْبٌ , خَافٌ , فَتْلٌ , وَعْدٌ .

Manakala pola kata nama *masdar samā‘iy* yang terbentuk dari kata kerja *thulāthiy mazīd* adalah sedikit (Khadījah al-Ḥadīthiy , 1965 : 238). Antaranya ialah :

1. فَعَالٌ *<fi‘alun>* *mashdar* daripada wazan فَعَلٌ *<fa‘ala>* seperti : كِلَامًا :
2. تَفَعَالٌ *<tifi‘alun>* *mashdar* daripada wazan تَفَعَلٌ *<tafa‘ala>* seperti : تَحْمَالٌ :
3. فِينَعَالٌ *<fi‘alun>* *mashdar* daripada wazan فَاعَلٌ *<fa‘ala>* seperti : قِيَنَالاً :
4. فَعَالٌ *<fi‘alun>* *mashdar* daripada wazan فَاعَلٌ *<fa‘ala>* seperti : قِنَالاً .

Ibn Mālik menganggap wazan فَعَالٌ *<fi‘alun>* bagi kata kerja فَاعَلٌ

<fa‘ala> adalah *qiyās* bukannya *samā‘iy* (di petik darri ‘Ibn ‘Aqīl , 1990 : 2 : 122) .

5. فَعْلَى <fa'lā> *maṣdar* daripada wazan أَفْعَلٌ <ifta‘ala> seperti : دَعْوَى
6. فَعْلَى <fu'lā> *maṣdar* daripada wazan أَفْعَلٌ <'af‘ala> seperti : عُذْوَى
7. فَعْلَى <fi'lā> *maṣdar* daripada wazan فَعَلٌ <fa‘‘ala> seperti : ذِكْرَى
8. فَعْوَنْ <fa‘ūlun> *maṣdar* daripada wazan تَقْعَلٌ <tafa‘‘ala> seperti : وَلْوَعًا dan daripada wazan أَفْعَلٌ <'af‘ala> seperti : طَهْوَرًا
9. إِفْعَالٌ <if‘alun> *maṣdar* daripada wazan أَفْعَلٌ <'af‘ala> yang ajwaf seperti : إِقَاماً
10. إِفْتَعَالٌ <ifti‘alun> *maṣdar* daripada wazan تَفَاعَلٌ <tafa‘‘ala> seperti : اِتْبَاعًا : اِجْتِوارًا dan daripada wazan تَقْعَلٌ <tafa‘‘ala> seperti : اِتْبَاعًا
11. تَفَا عُلٌّ <tafa‘ulun> *maṣdar* daripada wazan أَفْتَعَلٌ <ifta‘ala> seperti : تَجَاوِرًا
12. تَفْعِيلٌ <taf‘ilun> *maṣdar* daripada wazan تَقْعَلٌ <tafa‘‘ala> seperti : تَبَيِّنًا
13. إِنْفَعَالٌ <infi‘alun> *maṣdar* daripada wazan تَقْعَلٌ <tafa‘‘ala> seperti : إِنْطِوَاءً
14. فَعْلٌ <fa‘lun> *maṣdar* daripada wazan تَقْعَلٌ <tafa‘‘ala> seperti : كَسْرًا
15. فَعَالٌ <fa‘ālun> *maṣdar* daripada wazan أَفْعَلٌ <'af‘ala> seperti : بَاتًا

16. تَفْعَلٌ *< tif‘alun >* masdar daripada wazan فَعَلٌ *< fa‘ala >* seperti :
تَبْيَانًا

6.2 *ISM al-FĀ‘IL*

Ism al-fā‘il (kata nama pelaku) dalam bahasa Arab adalah dibentuk daripada kata kerja untuk menghasilkan makna yang merujuk kepada diri dan perbuatan (‘Abduh al-Rājīhiy, 1984 : 75). Makna “pelaku” yang didukungnya adalah bersifat tidak tetap dan sentiasa berubah-ubah (Khadījah al-Hadīhiy , 1965 : 259) .

Kajian ’Abū Ḥanīfah bin Nu‘mān (1940 : 37) dalam bukunya “*al-Maṭlūb Sharḥ al-Maqṣūd Fi al-Taṣrīf* ” berpendapat bahawa *ism al-fā‘il* adalah pecahan daripada kata kerja kala lepas kerana pembentukannya berdasarkan huruf ‘ain pada kata kerja kala lepas. Menurut beliau , jika huruf ‘ain pada kala lepas berharakah *fatḥah* , maka wazan *ism al-fā‘il* adalah فَاعِلٌ *< fā‘lun >* seperti نَاصِرٌ . Jika huruf ‘ain berharakah *dammah* , maka wazan *ism fā‘il* adalah فَعِيلٌ *< fa‘ilun >* seperti نَاصِرٌ ‘ain berharakah *kasrah* , maka wazan *ism al-fā‘il* bagi kata transitif ialah فَاعِلٌ *< fā‘ilun >* seperti عَالِمٌ dan bagi tak transitif ialah فَعِيلٌ *< fa‘ilun >* seperti مَرِيْضٌ , فَعِيلٌ *< fa‘ilun >* seperti أَفْعَلٌ , نَصِيرٌ فَعِيلٌ *< af‘ala >* seperti أَخْمَرٌ dan فَعِيلٌ *< fa‘ilun >* seperti عَطْشَانٌ .

Ism al-fā'il kebanyakannya boleh dibentuk secara *qiyās* menggunakan wazan-wazan tertentu yang dihasilkan melalui proses pengimbuhan huruf tertentu pada kata akar suatu kata kerja. Imbuhan-imbuhan yang digunakan untuk menerbitkan wazan-wazan *ism al-fā'il* terdiri daripada awalan dan sisipan bergantung kepada bentuk kod JK kata kerja seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah :

6.2.1 **Analisis Wazan *Ism al-Fā'il* bagi Kata kerja *Thulāthiy Mujarrad***

Para sarjana Arab tidak sekata dalam menentukan wazan *ism al-fā'il* bagi kategori kata kerja *thulāthiy mujarrad*. Al-Zamakhshariy w 538H (1982 : 2 : 226) dan Ibn Ḥajib (t.t : 2 : 198) berpendapat bahawa wazan bagi *ism fā'il* adalah satu sahaja iaitu فَاعِلٌ <fa'īlun> dan ia boleh dibentuk melalui *qiyās* daripada kata kerja *muta'ddī* (transitif) فَعْلٌ <fa'ala> dan kata kerja *lāzim* (tak transitif) فَعْلٌ <fa'ila>. Pendapat ini dipersetujui oleh kebanyakan para sarjana linguistik mutakhir seperti Muhammad Khairul al-Ḥilwāniy (1978 : 224) Sharifuddin ‘Aliy al-Rājihiy (t.t : 67), Fakhruddin Qabāwah (1988 : 151) dan lain-lain.

Namun, terdapat segelintir sarjana Arab pula seperti Ibn ‘Aqīl (1990 : 2 : 135) berpendapat bahawa *ism al-fā'il* mempunyai wazan yang pelbagai . Sebahagian wazannya adalah *qiyāsiy* dan sebahagiannya pula adalah *samā'iyy* daripada penutur jati Arab. Wazan *qiyāsiy* dibentuk daripada kata kerja فَعْلٌ <fa'ila> seperti wazan فَعْلٌ <fa'īlun>, wazan فَعْلَانٌ <fa'lānun>, أَفْعَلٌ <af'ālu> dan kata kerja فَعْلٌ <fa'alun> seperti wazan فَعْلٌ <fa'lūn>, wazan dan فَعْلَنٌ <fa'ilān> .

Manakala *sama‘iy* pula terbentuk daripada kata kerja tak transitif dari wazan فعل *<fa‘ila>* dan فَاعِلٌ *<fa‘ulun>*. ’Abū Zaid ‘Abdul Raḥmān (1954 : 118) dalam kitabnya *sharḥ al-Makūdiy* menyebut bahawa wazan - wazan yang lain daripada wazan فَاعِلٌ *<fa‘ilun>* itu sebenarnya merujuk kepada wazan *sifat mushabbahah* yang sama-sama menunjuk makna “pelaku”.

Pembentukan *ism fā‘il qiyāsiy* bagi wazan فَاعِلٌ *<fa‘ilun>* dan perubahan - perubahan yang berlaku diterangkan dengan terperinci berdasarkan jadual-jadual mengikut kod JK seperti dalam jadual di bawah :

Jadual 6.9 : Analisis pola *ism al-fā‘il* WP 1 فَاعِلٌ *<fa‘ilun>*

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
JK 1	كَاتِبٌ	فَاعِلٌ	Tiada	▪ Tiada perubahan berlaku
JK 2	أَكِلٌ		أَعْلَنْ <u><a‘ilun></u>	▪ Penyerapan huruf pertama kata akar dan huruf <i>alīf</i> . Bentuk asalnya adalah أَكِلٌ
JK 3	رَأَدْ		فَالْ <u><fa‘llun></u>	▪ Penyerapan huruf kedua dan ketiga kata akar . Bentuk asalnya adalah رَأِيدْ
JK 4	وَاصِلٌ	فَاعِلٌ	Tiada	▪ Tiada perubahan berlaku
JK 5	قَائِلٌ		فَائِلٌ <u><fa‘ilun></u>	▪ Penukaran huruf kedua kata akar iaitu huruf <i>wāw</i> kepada huruf <i>hamzah</i> . Bentuk asalnya adalah

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor perubahan
				قَالُواْنْ
JK 6	الجاريِّ جَارٍ	الفَاعِلُ	فَاعِلٌ <u><fa'in></u>	<ul style="list-style-type: none"> Tiada perubahan berlaku Pengguguran huruf ‘illah akhiran dan menggantikannya dengan <i>tanwīn</i> pada huruf kedua kata akar ketika <i>nakirah</i>. Bentuk asalnya adalah جَارِيٌّ
JK 7	الثَّاوِيِّ ثَاوِيٌّ	الفَاعِلُ	فَاعِلٌ <u><fa'in></u>	<ul style="list-style-type: none"> Tiada perubahan berlaku Pengguguran huruf ‘illah akhiran dan menggantikannya dengan <i>tanwīn</i> pada huruf kedua kata akar ketika <i>nakirah</i>. Bentuk asalnya adalah ثَاوِيٌّ
JK 8	الوَافِيِّ وَافِيٌّ	الفَاعِلُ	فَاعِلٌ <u><fa'in></u>	<ul style="list-style-type: none"> Tiada perubahan berlaku Pengguguran huruf ‘illah akhiran dan menggantikannya dengan <i>tanwīn</i> pada huruf kedua kata akar ketika <i>nakirah</i>. Bentuk asalnya adalah وَافِيٌّ .

Analisis yang dijalankan terhadap pembentukan pola *ism al-fā'il* WP 1 فاعلٌ 1

<*fā'ilun*> bagi kategori kata kerja *thulāthiy mujarrad* dalam jadual 6.9 di atas , mendapati kod JK 1 , JK 4 , JK 6 , JK 7 dan JK 8 tidak mengalami sebarang perubahan dan perbezaan pada wazan dan struktur katanya malah tetap utuh dengan bentuk asalnya .

Manakala kod JK 2 , JK 3 dan JK 5 pula mengalami perubahan pada struktur katanya dan wujud perbezaan ketara yang menyalahi bentuk wazan asalnya iaitu فاعلٌ <*fā'ilun*>. Proses perubahan melibatkan unsur penyerapan huruf , penukaran huruf dan pengguguran huruf . Penyerapan huruf berlaku pada kod JK 2 iaitu أَكِيلُنْ di mana huruf pertama kata akar iaitu *hamzah* diserapkan ke dalam huruf *alīf* seperti أَكِيلُنْ // ākilun // (‘Abduh al-Rājihiy , 1984 : 165). Perbezaan wazan adalah رَادِدُنْ <*ā'ilun*> . Manakala bagi kod JK 3 pula iaitu رَادِدُنْ penyerapan berlaku apabila huruf kedua diserap ke dalam huruf ketiga kata akar seperti رَادِدُنْ // *rāddun* // (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy , 1978 : 181). Perbezaan wazan adalah فَالُّ <*fāllun*> .

Penukaran huruf berlaku pada kod JK 5 iaitu قَاوِلُنْ di mana huruf *wāw* yang mewakili huruf kedua kata akar wajib ditukarkan kepada huruf *hamzah* kerana berada selepas huruf *alīf* imbuhan seperti قَائِلُنْ (Ibn Jinniy ,tt : 280 , dan al-Mubarrad , 1963 : 99). Perbezaan wazan adalah فَائِلُنْ <*fā'ilun*> .

Sementara perubahan yang berlaku pada pola *ism al-fā'il* dalam kod JK 6 نَوْ / النَّاوِيْ JK 7 ، جَارٍ / الْجَارِيْ JK 8 وَافِ / الْوَافِيْ melibatkan pengguguran huruf ‘illah di akhiran kata akar dan mengantikannya dengan *tanwīn* pada huruf kedua apabila berada dalam keadaan *nakirah* (Fakhruddin al-Qabāwah , 1988 : 151). Perbezaan wazan adalah فَاعِ *< fā'in >* . Sebaliknya struktur kata nama pelaku tidak mengalami sebarang perubahan malah tetap utuh dengan bentuk asalnya ketika dalam keadaan *ma'rifah* .

6.2.2 **Analisis Wazan *Ism al-Fā'il* bagi Kata kerja *Thulāthiy Mazīd***

Ism al-fā'il bagi kata kerja *thulāthiy mazīd* adalah satu bentuk sahaja iaitu menyerupai bentuk kata kerja aktif kala kini . Di mana huruf *mudāri'* ditukar kepada huruf *mīm* berharakah *dammah* dan huruf kedua sebelum akhir berharakah *kasrah* (Ibn Ḥājib , t.t : 2 : 199) .

Antara wazan-wazan *ism al-fā'il* bagi kata kerja *thulāthiy mazīd* yang popular ialah مُفْعَلٌ *< muf'ilun >*, مُفَاعِلٌ *< mufā'iilun >*, مُفَاعِلٌ *< mufā'ilun >*, مُتَفَاعِلٌ *< mutafā'ilun >* ، مُفْتَحٌ *< mufta'ilun >* ، مُتَفَعِّلٌ *< mutafa'ilun >*، مُنَفَعِلٌ *< munfa'ilun >* dan مُسْتَفْعِلٌ *< mustaf'ilun >* ('Aḥmad Ṭāhir Ḥusnainiy , 1987 : 187) .

Selain itu terdapat juga wazan *ism al-fā'il* yang boleh *dīqiyās* tetapi tidak popular seperti مُفْعَلٌ <muf'allun> , مُفْعَالٌ <muf'ālun> , مُفْعَوْلٌ <muf'aw'ilun> dan مُفْعِلٌ <muf'wilun> .

Berikut adalah analisis terperinci bentuk – bentuk *ism al-fā'il* bagi kata kerja *thulāthiy mazid* yang popular dan perubahan - perubahan yang berlaku pada struktur katanya berdasarkan jadual-jadual mengikut urutan kod- kod wazan dan JK .

1) **Analisis Pola *Ism al-Fā'il* WP 2 : مُفْعَلٌ <muf'ilun>**

Jadual 6.10 : Analisis pola *ism al-fā'il* WP 2 : مُفْعَلٌ <muf'ilun>

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor Perubahan
JK 1	مُجْرِمٌ	مُفْعَلٌ	Tiada	• Tiada perubahan
JK 2	مُؤْمِنٌ	مُفْعَلٌ	Tiada	• Tiada perubahan
JK 3	مُعَدٌ		<u>مُفْلِ</u> < <u>mufillun</u> >	• Penyerapan huruf kedua ke dalam huruf akhir kata akar. Bentuk asalnya ialah مُعَدٌ
JK 4	مُوصِّلٌ		Tiada	• Tiada perubahan
JK 5	مُقِيمٌ		<u>مُفِيلٌ</u> < <u>mufilun</u> >	• Penukaran huruf kedua kata akar kepada <i>yā'</i> dan harakah <i>kasrah</i> pada huruf ‘ain pindahkan kepada huruf konsonan sebelumnya .

Jenis JK	Contoh	Persamaan	Perbezaan	Faktor Perubahan
				Bentuk asalnya ialah مُقْوِمٌ .
JK 6	المُعْطَى مُعْطٍ	المُفْعَل	مُفْعٌ <u>< muf'in ></u>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan • Pengguguran huruf ‘illah di akhiran dan mengantikannya dengan <i>tanwīn</i> pada huruf kedua kata akar ketika <i>nakirah</i>. Bentuk asalnya ialah مُعْطٍ
JK 7	مُقْوِي المُفْعَل	المُفْعَل	مُفْعٌ <u>< muf'in ></u>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan • Pengguguran huruf ‘illah di akhiran dan mengantikannya dengan <i>tanwīn</i> pada huruf kedua kata akar ketika <i>nakirah</i>. Bentuk asalnya ialah مُقْوِي
JK 8	المُؤْصِن مُوصٍ	المُفْعَل	مُفْعٌ <u>< muf'in ></u>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan • Pengguguran huruf ‘illah di akhiran dan mengantikannya dengan <i>tanwīn</i> pada huruf kedua kata akar ketika <i>nakirah</i>. Bentuk asalnya ialah مُؤْصِن

Analisis terhadap pembentukan pola *ism al-fā'il* bagi kata kerja *thulāthiy mazīd* WP 2 مُفْعَلٌ <muf'īlun> dalam jadual 6.10 di atas , mendapati kod JK 1 , JK 2 , JK 4 tidak mengalami sebarang perubahan pada struktur katanya malah tetap utuh dengan bentuk asalnya . Manakala kod JK 3 , JK 5 , JK 6 , JK 7 dan JK 8 pula mengalami perubahan yang menyalahi bentuk wazan asalnya . Perubahan yang terlibat adalah penyerapan huruf , penukaran huruf , pengalihan harakah dan pengguguran huruf .

Penyerapan huruf berlaku pada kod JK 3 di mana huruf kedua kata akar diserap ke dalam huruf ketiga kata akar kerana pertembungan dua huruf sejenis seperti مُعَذَّ (Muhammad Khair al-Hilwāniy , 1978: 181). Perbezaan wazan adalah مُفِّلٌ <mufīllun>.

